

11/08/2001

Kembara Puisi Ke-8 di Medan Menara UiTM

Salbiah Ani

MEDAN Menara, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, bakal menjadi gelanggang ujian kepada keterampilan institusi itu dalam bidang puisi apabila berlangsungnya acara Kembara Puisi IPT 2001 pada jam 8.30 malam ini.

Penulis percaya seluruh warga kerja Badan Seni dan Budaya, Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM, sudah pun melakukan persiapan rapi dan tidak akan mengecewakan peminat setia program ini.

Ditambah pula program ini turut mendapat sokongan daripada Timbalan Naib Canselor HE) UiTM, Prof Datuk Dr Adnan Alias, meskipun beliau terlatih dalam bidang keusahawanan.

Dalam wawancara dengan Sastera dan Budaya di pejabatnya di Shah Alam, baru-baru ini, dapat diselami bahawa Dr Adnan memandang tinggi kepada kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan bangsa itu.

"Kekuatan minda Melayu sebenarnya tercerna dalam kesenian Dondang Sayang yang saja memerlukan mereka berkebolehan menyanyi tetapi juga membalas pantun secara spontan," katanya.

Keyakinan beliau kepada pentingnya budaya dihayati sekalipun dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pada masa ini apabila Dr Adnan menjadikan MCA sebagai perbandingan.

"Budaya melambangkan jati diri dan bangsa serta terkandung juga dalam agama. Tanpa budaya akan matilah sesuatu bangsa. Justeru, tidak menghairankan apabila MCA menjadikan kebudayaan sebagai satu daripada lima strateginya," katanya.

Justeru, UiTM kini berpegang kepada falsafah gabungan ilmu dan hiburan dalam usahanya memastikan lulusannya bukan saja teknokrat berilmu tetapi juga ada nilai kemanusiaan yang tinggi.

"Kami tidak mahu melahirkan lulusan yang kosong aspek dalamannya. Justeru HEP UiTM turut memberi dorongan kepada mahasiswanya untuk giat dalam kegiatan kebudayaan dan sukan," katanya.

Malam ini, Dr Adnan akan menunjukkan bakatnya dengan mendeklamasikan puisi karyanya berjudul Antara Pekan Rabu dan Dongdaemun, yang ditulisnya ketika berjunjung ke bandar berkenaan pada Julai lalu.

"Puisi ini membawa kita menilai kesilapan keusahawanan Melayu sehingga mereka berada di penghujung perjalanan dalam bidang yang diceburi berbanding usahawan di bandar Korea Selatan itu," katanya.

Kembara Puisi IPT 2001 anjuran Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) yang berlangsung di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) secara bergilir sepanjang tahun ini bertujuan mendekatkan mahasiswa dengan genre puisi.

Program kali ke-8 ini mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan dijadikan sebahagian daripada program Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) 2001 yang akan diraikan pada September ini.

Program kali ini juga mendapat kerjasama daripada Badan Seni dan Budaya HEP UiTM, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat).

Wawancara dengan Timbalan Pendaftar HEP UiTM, Mazlan Salleh, meyakinkan lagi kesungguhan UiTM dalam mendekatkan pelajarinya dengan bidang kebudayaan dan kesenian warisan bangsa dan negara.

"Persatuan Penyelidik Budaya HEP UiTM yang dianggotai pelajar secara sukarela sudah melakukan kajian terhadap khazanah budaya Melayu yang hampir di pupus di beberapa negeri di Semenanjung.

"Dapatan awal hasil kajian mereka itu sudahpun dibukukan dan diberi judul Jejak Budaya Siri I dan penelitian lebih terperinci mengenai dapatan berkenaan akan turut dilakukan," katanya yang akan turut mendeklamasikan puisi.

Nampaknya UiTM juga tidak kurang dengan jaguh deklamasi puisi daripada kalangan pelajar dan kali ini mereka akan menurunkan dua tokoh dari Fakulti Pentadbiran Undang-Undang.

Mahasiswa Matrikulasi Undang-Undang UiTM, Fairuzan Abdul Majid, memilih untuk mendeklamasikan Tidak Kuingin dan Yang Kuingin karya Abham TR, yang dipetik dari pada Antologi Rumah Merdeka.

"Puisi ini berkisar kepada pengiktirafan kepada perajurit yang memberi sumbangan besar kepada kemerdekaan negara dan karya ini dapat membangkitkan semangat patriotisme," katanya yang menganggotai Persatuan Aktivis Puisi UiTM (Aksi) dan Persatuan Penulis Daerah Muar.

Johan Deklamasi Puisi Peringkat Kebangsaan Matrikulasi 2000, Nik Saidah Fatiha Yazid, pula akan mendeklamasikan puisi Anak Warisan Merdeka dan bercadang menggabungkan persembahannya dengan iringan muzik gamelan.

"Saya amat teringin untuk mendeklamasikan puisi dengan iringan muzik rebab tetapi memandangkan tiada peruntukan dan ketiadaan mereka yang pakar dalam alat ini di UiTM, saya akan mencuba dengan gamelan," katanya.

Nik Saidah yang membabitkan diri dalam deklamasi puisi sejak berusia 15 tahun dan saban tahun menyertai Sayembara Deklamasi Puisi menggunakan gelanggang itu untuk membetulkan sebutan vokalnya.

"Kebetulan saya dari Kelantan dan sudah tentu penyertaan dalam Sayembara Deklamasi Puisi yang diadakan pada peringkat negeri dan kebangsaan saban tahun membantu saya mencapai matlamat itu," katanya.

Tidak ketinggalan majlis kali ini turut dijayakan penyair terbilang negara, Marsli NO, Rahimidin Zahari, Zurinah Hassan, Dr Ibrahim Ghafar, Ahmad Sarju dan penggiat teater, Fauziah Nawawi serta kumpulan penyanyi lagu puisi, Koprata.

Marsli akan mendeklamasikan puisi terbarunya berjudul Mencitaimu Aduhai Negeriku yang ditulis dengan tujuan mengingatkan dirinya dan juga masyarakat akan tanggungjawab setiap rakyat sebagai warganegara Malaysia.

"Apakah cukup kecintaan kepada negara dipamerkan dengan hanya menyanyi dan menari di padang sambil bertempok di sana sini ketika meraikan ulang tahun kemerdekaan negara?" katanya.

Majlis kali ini juga akan dimeriahkan dengan persembahan mantera daripada penyair yang popular dengan karya Islam, Rahimidin Zahari, yang bercadang membacakan ucap tetap wayang kulit, Mantera Buka Panggung.

Anak didik tuk dalang Dollah Baju Merah itu akan membawa khalayak mengembara dengan Kisah Lima Panglima yang berkisar sekitar peperangan, pengembaraan dan percintaan yang berlaku dalam keluarga Seri Rama.

"Saya lebih suka mengadakan persembahan berteraskan wayang kulit kerana saya percaya tradisi ini akan pupus satu hari nanti sekiranya tiada yang berusaha mendokumenkannya.

"Tuk dalang yang ada di Kelantan hari ini adalah daripada generasi terakhir dan tidak lagi boleh menjadikan kemahiran mereka sebagai sumber pendapatan utama kerana adanya larangan daripada kerajaan negeri," katanya.

Penyair veteran, Ahmad Sarju, pula akan mendeklamasikan puisi Masih Ada yang mengingatkan bangsa Melayu supaya mereka tidak terus bermusuhan sesama sendiri dan berusaha menjadi manusia yang tahu mengenang budi.

Tidak ketinggalan beliau akan mendeklamasikan puisi Kita yang memberi peringatan bahawa Melayu bukan bangsa bodoh dan daif tetapi mempunyai kekuatan serta berani untuk berhujah sekalipun dalam persada antarabangsa.

"Sebagai orang Melayu saya tidak mahu bangsa Melayu terjebak dalam ideologi yang negatif sebagaimana sering dipaparkan ramai pihak dan

berharap suatu hari nanti andaian buruk itu akan dapat dihapuskan," katanya.

Dr Ibrahim Ghafar, yang berasa pemilihannya sebagai penghormatan bercadang mendeklamasi Sumpah Merdeka karyanya yang dimuatkan dalam antologi Sing Kaya Ngene (Yang Macam Ini).

"Mesej dalam puisi ini amat relevan dengan teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Melayu mudah lupa dan meritokrasi yang menjadi isu pada masa ini," katanya yang juga seorang pemaju hartanah.

Dr Ibrahim percaya sudah sampai masanya sirih dipulangkan ke gagang, mahkota kepada takhta manakala pendekar pula memulangkan langkahnya di gelanggang bagi mengatasi masalah orang Melayu.

"Saya lebih suka menggarap puisi berlatarkan sejarah serta merakam peristiwa sesama dan luar negara sebab ia lebih memberi erti dan boleh menjadi rujukan pada generasi akan datang," katanya.

Penyair veteran wanita, Zurinah Hassan, mahu memberi kepelbagaian dalam persembahannya pada majlis kali ini dengan pakej 3+1 bagi memastikan semua peminat puisi UiTM terhibur.

"Saya mahu mendeklamasikan sedikit puisi moden, syair dan nazam dengan memetik karya saya berjudul Taming Sari serta akan berusaha melakukan beberapa daya tarikan," katanya.

Tidak ketinggalan kumpulan lagu puisi Kopratasa yang dianggotai Syed Indera Syed Othman atau lebih dikenali sebagai Siso, Usop dan Sani Sudin serta penggiat teater Fauziah Nawî pasti akan mencuri perhatian khalayak.

(END)